

**NO SOALAN :21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI  
(TENOM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.03.2018**

**Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) terhadap penggunaan mata wang kripto dikenali sebagai 'Bitcoin' yang semakin meluas di peringkat global termasuk di negara ini di mana penggunaan Bitcoin itu terbit sebahagian aktiviti tawaran siling permulaan (ICO).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) mengambil maklum akan mata wang digital dan token digital yang sedang menarik minat dan perhatian para pelabur di

seluruh dunia termasuklah pelabur-pelabur dari Malaysia. Mata wang digital dan token digital kini digunakan dan dibeli oleh para pelabur untuk pelbagai tujuan. Ini termasuklah sebagai suatu bentuk pembayaran bagi sesuatu transaksi jual beli, untuk ditukarkan kepada mata wang biasa atau sebagai medium bagi mendapatkan pulangan daripada jual beli atau peningkatan nilai mata wang atau token digital itu.

Mengambil kira hal di atas, pihak SC dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah pun mengeluarkan kenyataan bersama bertarikh 19 Januari 2018 untuk mengingatkan orang ramai mengenai Tawaran Syiling Permulaan (*Initial Coin Offer - ICO*) yang membabitkan aktiviti yang tertakluk kepada undang-undang yang ditadbir oleh pihak SC dan BNM. Menjalankan aktiviti sedemikian tanpa kebenaran yang sewajarnya adalah merupakan satu kesalahan.

Penerbit ICO diingatkan bahawa melancarkan suatu ICO, penawaran token digital sebagai pertukaran bagi mata wang digital atau apa-apa bentuk pembayaran dan aktiviti yang seumpamanya, adalah mungkin tertakluk kepada keperluan kawal selia di bawah undang-undang sekuriti. Di samping itu, mana-mana individu tidak dibenarkan untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang dikawal selia seperti pengumpulan

dana, pengurusan dana dan mengurus niaga dalam produk pasaran modal tanpa mendapatkan kelulusan yang diperlukan atau kebenaran daripada SC.

Pengendali ICO juga adalah dilarang daripada menjalankan aktiviti yang dikawal selia seperti pengambilan deposit dan perniagaan perbankan, aktiviti dan pembayaran pentadbiran pertukaran asing, tanpa kebenaran yang diperlukan di bawah undang-undang perkhidmatan kewangan yang ditadbir oleh BNM. Memandangkan penawaran ICO ini adalah berbeza-beza daripada segi terma dan ciri-cirinya, para pengendali ICO dan pelabur adalah digalakkan untuk mendapatkan nasihat undang-undang atau profesional jika mereka ragu-ragu mengenai keperluan perundangan dan kawal selia yang berkenaan.

Sementara itu, pada 9 Januari yang lalu, pihak SC telah mengarahkan CopyCash Foundation untuk memberhentikan dengan serta-merta semua aktiviti yang dicadangkannya termasuk rancangan untuk melancarkan ICO pada 10 Januari 2018 di Malaysia. Arahan tersebut dikeluarkan oleh SC susulan siasatannya selepas ia mendapati bahawa terdapat kemungkinan yang munasabah penzahiran di dalam kertas cadangan CopyCash Foundation dan representasinya kepada

bakal pelabur akan bercanggah dengan keperluan berkaitan di bawah undang-undang sekuriti. Kebelakangan ini, pihak SC juga menerima pelbagai pertanyaan mengenai penawaran ICO di Malaysia. Pihak SC akan terus memantau dan meneliti skim-skim tersebut untuk menentukan sama ada skim-skim ini melanggar sebarang peruntukan sekuriti sedia ada.